



SIARAN MEDIA

**6 OGOS 2020
UNTUK SIARAN SEGERA**

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI JALIN KERJASAMA DENGAN CYBERSECURITY MALAYSIA *Terus Komited Perkasa Keselamatan Data Peribadi dan Keselamatan Siber*

PUTRAJAYA (6 OGOS 2020) – Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dan CyberSecurity Malaysia hari ini telah menandatangani Nota Kerjasama Strategik bagi mengukuhkan jalinan kerjasama di dalam pemerkasaan bidang keselamatan siber terutamanya berkaitan dengan aspek perlindungan data peribadi pada satu majlis yang berlangsung di Putrajaya.

Melalui kolaborasi ini, CyberSecurity Malaysia yang merupakan pusat pakar teknikal keselamatan siber akan berkongsi pengetahuan dan kepakaran dengan JPDP dalam usaha mempertingkatkan tahap perlindungan data peribadi dan keselamatan siber di Malaysia agar sentiasa berada pada tahap yang tertinggi.

Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui melalui jalinan kerjasama strategik ini adalah perkongsian maklumat insiden siber berkaitan data peribadi, khidmat nasihat berkaitan keselamatan siber, pembangunan makmal forensik digital dan pusat data digital serta pembangunan modal insan.

Majlis menandatangani Nota Kerjasama Strategik ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mazmalek bin Mohamad, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi manakala YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif mewakili CyberSecurity Malaysia.

Melalui kerjasama strategik ini juga, JPDP dan CyberSecurity Malaysia akan berganding bahu untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi secara berterusan bagi menjamin ekosistem perlindungan data peribadi yang utuh di Malaysia khususnya.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh CyberSecurity Malaysia dan untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia
media@cybersecurity.my atau hubungi +603-8800 7999 (Mohd Shamil Mohd Yusoff, samb: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan, samb: 7242)

